

# Jangan jadikan Palestin mangsa: Mahathir

SERDANG, Khamis — Rakyat Palestin tidak patut menjadi mangsa percaturan politik berikutan kesan kekalahan Iraq dalam Perang Teluk baru-baru ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan Malaysia tidak ingin melihat rakyat Palestin menerima kesan peperangan itu kerana perjuangan mereka ialah untuk membebaskan tanah air sendiri.

Ketika ditanya pemberita, beliau berkata, rakyat Palestin mungkin mengambil keputusan menyokong Iraq dalam Perang Teluk kerana menganggap ia dapat membantu perjuangan membebaskan bumi Palestin.

"Oleh kerana rakyat Palestin ingin bebas, mereka mengambil tindakan yang tidak menguntungkan diri (dengan menyokong Iraq).

"Bagaimanapun, saya tidak percaya bahawa rakyat Palestin patut menerima kesan kekalahan Iraq dalam peperangan itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Mardi di sini, hari ini.